

# Zaini Ujang Puas Hati Projek Pembangunan IPTA



Ketua Setiausaha (KSU) II, Kementerian Pendidikan Malaysia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, melahirkan rasa puas hati dengan pembentangan projek pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK), Kementerian Pendidikan Malaysia Sektor Pengajian Tinggi di Kampus Tetap Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Pauh Putra.

Seramai 120 wakil dari IPTA dan KPM terlibat dalam mesyuarat pada kali ini. Beliau turut dibawa melawat ke kolej kediaman Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) UniMAP serta turut menyempurnakan majlis Pra Perasmian Kolej Kediaman Pauh Putra.